

19/04/2004

Fatimah bangga pencapaian wanita

KUALA LUMPUR: Menteri Wanita Pertama Malaysia, Tun Fatimah Hashim, 79, bangga pencapaian wanita negara ini dalam pelbagai bidang sejak negara mencapai Kemerdekaan.

Bekas Menteri Kebajikan Am itu berkata, selepas negara mencapai kemerdekaan, wanita di negara ini dilihat lebih berpendidikan, bijak, berani serta bersedia menghadapi pelbagai perubahan dan cabaran berbanding generasi zamannya.

"Saya sangat bangga dengan kemajuan wanita negara ini dan rakyat keseluruhannya kerana hasil usaha yang kita perjuangkan sejak sekian lama kini dapat dilihat terbentang di depan mata," katanya selepas pelancaran buku biografi Tan Sri Fatimah: Potrait of a Leader versi bahasa Inggeris di kediamannya di Lorong Bukit Pantai Satu, Bangsar, di sini semalam.

Pelancaran buku itu dilakukan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Buku biografi itu adalah terjemahan daripada buku asal bertajuk Tan Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin yang dilancarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Januari tahun lalu.

Buku itu memaparkan biografi Tun Fatimah Hashim, sebagai wanita pertama dilantik sebagai menteri di Malaysia, iaitu pada zaman Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Suami Fatimah adalah bekas Peguam Negara serta Menteri Undang-undang dan Pembangunan Negara, Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusoff.

Fatimah juga dikenali sebagai tokoh pemimpin pergerakan wanita di negara ini dengan menerajui Pergerakan Kaum Ibu/Wanita Umno selama 16 tahun.

(END)